



## KENYATAAN MEDIA

28 JUN 2025

### SELANGOR MENGANJURKAN KONVENSYEN WANITA SELANGOR 2025 KE ARAH MEMPERKASAKAN POTENSI DAN KAPASITI EKONOMI WANITA

1. Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat, dan Ekonomi Penjagaan melancarkan Konvensyen Wanita Selangor 2025 buat julung kalinya demi memperkasakan potensi dan kapasiti ekonomi wanita. Objektif utama konvensyen ini adalah untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja dengan menangani halangan sistemik, memperjuangkan latihan dan bimbingan kerjaya, serta menggalakkan dasar kerja anjal dan mesra keluarga.
2. Konvensyen Wanita Selangor ialah sebuah wadah strategik untuk memperkasa wanita dalam bidang-bidang berimpak tinggi seperti Digital/AI, TVET, STEM, Ekonomi Penjagaan dan Keusahawanan. Melalui sesi townhall, bengkel praktikal, pitching dan pameran, konvensyen ini membuka ruang kepada wanita untuk meneroka peluang ekonomi baru dan membina kemahiran masa depan yang relevan.
3. Istiadat Perasmian Konvensyen Wanita Selangor ini disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin. Penganjuran konvensyen ini dilaksanakan oleh Wanita Berdaya Selangor (WBS) dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), serta 13 rakan strategik daripada agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat swasta.
4. Konvensyen ini dijalankan di Pusat Konvensyen Shah Alam, dengan empat (4) komponen utama:
  - a. Konvensyen Kerjaya Wanita – membuka peluang kerjaya dan pemahaman pasaran kerja masa kini;
  - b. Pitching Usahanita Digital – menyokong penyertaan wanita dalam ekonomi digital;
  - c. Ekspo Hasil Suri Selangor (HaSSel) – memperluaskan pasaran produk komuniti wanita (suri rumah, ibu tunggal, dan usahawan mikro); dan
  - d. Sesi Townhall Gen Z – membina kesiapsiagaan belia wanita dalam sektor masa depan seperti TVET dan STEM.
5. Peserta yang hadir hari ini termasuk wanita-wanita yang tidak bekerja, suri-suri rumah, graduan-graduan wanita, usahawan wanita Baharu, pelajar-pelajar wanita sekolah menengah, wanita-wanita professional, pembuat-pembuat dasar, pemimpin-pemimpin industri, dan ahli-ahli akademik.
6. Konvensyen Wanita Selangor 2025 ini selari dengan Matlamat Pertama Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024–2026, iaitu meningkatkan keupayaan wanita Selangor dalam sektor sosioekonomi.

**ANFAAL BINTI SAARI**

EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat